

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana sistem kawal selia pemerolehan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC dan GLIC) terhindar daripada kemungkinan rasuah terutama dengan pelantikan sejumlah ahli politik untuk menjadi pengerusi dan ahli lembaga pengarahnya.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah menggariskan strategi untuk memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat yang merangkumi syarikat berkepentingan Kerajaan sama ada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Langkah-langkah yang turut diambil untuk menghindari daripada kemungkinan rasuah terutama dengan pelantikan sejumlah ahli politik untuk menjadi pengerusi dan ahli lembaga pengarahnya adalah seperti berikut:

- i. Penguatkuasaan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Akta 694) yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 yang menetapkan prinsip liabiliti korporat terhadap organisasi komersial;
- ii. SPRM kini sedang melihat keperluan pindaan rang undang-undang berkaitan *misconduct in public office*, menyalahguna jawatan dan kedudukan untuk menerima rasuah, (mengambil kira takrifan badan awam dalam Seksyen 3 Akta SPRM 2009 yang juga merangkumi entiti yang Kerajaan mempunyai kepentingan yang mana, dalam konteks ini GLC sebagai badan awam);
- iii. Bagi memastikan ketelusan, SPRM kini sedang dalam proses meneliti keperluan untuk memasukkan peruntukan baru berkaitan pengisytiharan pemunya benefisial (*benefisial ownership*) kepada pihak yang memperolehi tender/ projek kerajaan (bagi menangani isu kartel, monopoli dan Alibaba; dan
- iv. Kerajaan telah mengeluarkan Arahan Perdana Menteri mengenai Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GIC), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk Di Bawah Kerajaan Negeri. Unit ini telah ditetapkan fungsinya kepada 4 teras iaitu pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan integriti dan governans di GLC/ entiti berkepentingan Kerajaan.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan lagi keyakinan awam dan para pelabur berhubung pengamalan tadbir urus baik dalam kalangan GLC di negara ini.

Sekian, terima kasih.